

pengorbanan dan tanggungjawab politik kepada bangsa dan negeri. Perletakan jawatan adalah ekoran daripada bantahan mereka terhadap Surat Pekeliling No. 9/1946. Kandungan Surat Pekeliling ini berupa amaran yang diberikan oleh British untuk menakut-nakutkan kakitangan kerajaan supaya tidak menyertai gerakan anti-penyerahan.⁶⁸ Kumpulan itu mengelar diri mereka sebagai kumpulan tiga-tiga lapan (338). Angka ini diambil untuk melambangkan tentera Nabi Mohamad yang berjumlah 338 orang tetapi berjaya dalam peperangan Badar.⁶⁹ Sekali gus telah membangkitkan semangat 338 dan kumpulan itu merupakan kumpulan penting dalam kegiatan politik Sarawak. Boleh dikatakan sekiranya tiada Surat Pekeliling No. 9 dan tiada pertelagahan tentang penyerahan Sarawak, maka tidak berlaku bibit-bibit perjuangan kemerdekaan Sarawak. Di samping itu kumpulan tersebut juga mengadakan perhimpunan raksasa untuk menunjukkan tentangan mereka, menghantar memorandum dan menutup kedai-kedai di bandar-bandar utama di seluruh Sarawak sebagai protes terhadap tindakan kerajaan British itu.

Awang Rambli, Setiausaha Agung PPM Bahagian Ketiga juga menyuarakan tentangan terhadap penyerahan Sarawak melalui satu kenyataan yang disiarkan dalam *Utusan Sarawak* bertarikh 7 November 1949. Di antaranya mencatatkan:

Kemerdekaan Sarawak terhapus disebabkan oleh perbuatan pembesar-pembesar yang berperasaan kolot yang dipengaruhi oleh Sir Charles Vyner Brooke...

Perasaan dan sikap penduduk Sarawak, khasnya orang Melayu terhadap soal penyerahan Sarawak telah digambarkan dengan jelas melalui surat bertarikh Julai 1946 yang ditulis oleh Mohammad bin Nor, seorang nasionalis yang menyokong pergerakan anti-penyerahan kepada Anthony Brooke. Di antara isi kandungan surat itu ialah seperti berikut:

*The Sarawak People do not to be politicians as politics only make people cheat, and this cheating caused the world war. Sarawak is a peaceful and independent state with a surplus of food; no paupers, no starvation; no unemployment and no civil war. The people lived in peace and happiness and no politicians should be allowed to come into the country; but now Mac Bryan and George Hall wish to introduce politics into Sarawak so in the future there will be no happiness and no prosperity; there will be civil war, famine, strikes, demonstrations, etc.*⁷¹

Ini menunjukkan mereka tidak ingin campur tangan dari kuasa asing yang akan menimbulkan kekacauan dan penderitaan di Sarawak. Di samping itu terdapat juga organisasi lain yang menyokong pergerakan anti-penyerahan seperti ASAS, ABAS, PPM, Persatuan Bumiputera Sarawak (PBS), PKMS Kaum Ibu, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kebajikan Awam, Kesetiaan Kaum Muda Matu, Kesetiaan Melayu

⁶⁸ Kakitangan kerajaan mungkin akan dipecat sekiranya didapati terlibat dalam gerakan anti-penyerahan. Untuk memprotes Surat Pekeliling ini mereka telah bertindak meletak jawatan dari dipecat oleh kerajaan. Maklumat lengkap tentang Surat Pekeliling No 9/1946, sila lihat Lampiran E.

⁶⁹ *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949, hlm. 3. R.H.W. Reece, 1982. *The Name of Brooke*, hlm. 267-272. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, 1989. *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 105. Keterangan lanjut juga boleh didapati dari *See Hua Daily News*, 9 November 1996, hlm. 8; 5 November 1996, hlm. 8. Untuk senarai nama 38 penyokong anti-penyerahan, lihat File Anti-Cession and 338 Names (Box A, Arkib Negeri Sarawak).

⁷⁰ *Utusan Sarawak*, 7 November 1949, hlm. 3.

⁷¹ *The Sarawak Gazette*, 2 Disember 1981, hlm. 10 dan 11.

Simanggang, Kesetiaan Kelab Dalat, Sulam Mas Seria, Kaum Ibu PPM dan Kesatuan Melayu Melanau Mukah (KMMM).⁷²

Walau bagaimanapun dalam soal tersebut Abang Haji Mustapha mempunyai pendapat yang bertentangan dengan kumpulan orang Melayu di atas. Beliau menyatakan bahawa walaupun Sarawak adalah sebuah negeri yang gembira; pendidikan, industri dan pertanian adalah kurang maju. Beliau percaya bahawa pembinaan semula adalah diperlukan dan ini memerlukan sokongan dari sebuah negara besar, seperti Britian. Beliau setuju dengan penyerahan Sarawak dalam keadaan di mana polisi yang ada akan dikekalkan dan hak-hak Bumiputera diambil kira.⁷³

Sementara ini terdapat juga orang Dayak yang tidak begitu bersetuju dengan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. Orang Iban, khususnya di Bahagian Pertama telah menubuhkan persatuan untuk menyertai golongan anti-penyerahan Sarawak. SDA telah ditubuhkan di bawah pimpinan Philip Jitam bagi tujuan itu. Beliau pernah mengeluarkan satu kenyataan dengan tujuan menentang perubahan taraf Sarawak menjadi tanah jajahan mahkota British. Kenyataannya dalam Bahasa Iban itu diterjemahkan seperti berikut:

*...Therefore on behalf of my colleagues and with honesty to myself I oppose the Cession. Further I cannot compel myself to agree even in principle, since in the first instance, this proposal of Cession does not appear to have been mutually agree upon; unless and until reconciliation has been effected and mutual consent has been given, than I consider it inappropriate to bring this subject for discussion.*⁷⁴

Beliau juga pernah bercakap bagi pihak persatuan Dayak berkenaan dengan soal tersebut dengan menegaskan sokongan akan diberi kepada penyerahan sekiranya sembilan prinsip dalam Perlembagaan Sarawak itu dihormati. Dalam hal ini beliau menyatakan:

*We want to know whether these Nine Cardinal Principles would be observed by His Majesty's Government after the Cession? If we have the assurance that these principles would be respected, then we will not only agree to the Cession but the will support His Highness the Rajah.*⁷⁵

Selain itu terdapat juga orang Dayak dan Bumiputera lain yang memerlukan lebih banyak masa untuk mempertimbangkan perkara tersebut tetapi akhirnya mereka akan mengikut keputusan Raja sebagai tanda menghormati raja mereka. Terdapat juga orang Iban dan kumpulan Bumiputera lain yang menyokong penyerahan memandangkan ia adalah hasrat Raja, asalkan dipastikan hak-hak seperti adat lama dipelihara.

Dalam pada itu kaum India, walaupun merupakan penduduk minoriti di Sarawak juga tidak ketinggalan dalam menunjukkan reaksi mereka berkenaan dengan isu penyerahan Sarawak. Pandangan mereka telah disalurkan melalui T.M. Deen yang mewakili komuniti India dan semua *Indian Muslim* di Kuching, menyokong penyerahan. Mereka berpuas hati dengan pemerintahan Brooke dan prinsip-prinsip pemerintahannya yang mengutamakan

⁷² *The Sarawak Tribune*, 30 Oktober 1946, hlm. 6. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76. Rujuk juga Sanib Said, 1985. *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 49.

⁷³ *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 13. Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 95-96.

⁷⁴ *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm.14

⁷⁵ *The Sarawak Tribune*, 6 Mei 1946, hlm. 2

kepentingan Sarawak. Namun begitu mereka bersedia menerima keputusan Raja serta apa yang baik untuk masa depan mereka dan juga Sarawak. Beliau menyimpulkan:

*Our interest lies on the ruling principle, and we accept what is good for our future. We support His Highness the Rajah in his decision.*⁷⁶

Pada peringkat itu orang Cina masih kurang berminat terhadap politik Sarawak dan tidak ingin terlibat secara langsung dalam pergerakan politik tempatan. Apa yang lebih penting bagi mereka ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan mereka di Sarawak seperti ekonomi dan bukan masalah politik.⁷⁷ Ini dapat dilihat melalui sebab mengapa hanya segelintir kecil orang Cina menyokong penyerahan Sarawak secara tidak langsung setelah mengambil kira khususnya kepentingan ekonomi yang akan mereka perolehi. Steven Runciman pernah menyatakan orang Cina menyokong penyerahan Sarawak kerana faedah ekonomi yang akan dibawa oleh pemerintahan British di Sarawak.⁷⁸

Secara umumnya dalam pergolakan itu orang Cina di Sarawak boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan yang menyokong penyerahan, kumpulan yang anti-penyserahan dan kumpulan yang berkecuali dalam soal tersebut. Kumpulan pertama terdiri daripada mereka yang menyokong penyerahan Sarawak kerana menganggap penyerahan itu baik. Kebaikan tersebut seperti pembangunan ekonomi, pemulihan kewangan, pendidikan dan teknikal boleh dibawa oleh pihak penjajah British kepada negeri Sarawak. Ini dapat dilihat melalui kata-kata Khoo Peng Loong, wakil orang Cina di Bahagian Ketiga Sarawak pada masa itu. Katanya:

*As I am a representative of the Chinese in the Rejang Rivet-District, I give my support to the Cession for under the British Rule the two main vices, gambling and opium, will be abolished and the status of the Chinese will be raised to the same position as that of the natives of Sarawak. Under the British Rule there will be better education, better agriculture and faster development of the country to the general advantage of all the people in the country.*⁷⁹

Sementara itu Ong Tiang Swee berpendapat taraf koloni adalah bermaksud perkembangan ekonomi dan perdagangan yang lebih luas. Manakala sistem lama akan disesuaikan dengan kehendak rakyat, pemerintahan secara autokratik akan dibuang.⁸⁰ Anaknyanya, Ong Kwan Hin dan Datuk Amar Hong Guan Lin menyokong penuh penyerahan Sarawak kerana Sarawak akan memperolehi faedah melalui hubungan dengan sebuah kuasa kuat yang dapat menstabilkan kedudukan ekonomi negeri ini dan kemajuan Sarawak juga akan terjamin. Mereka menyatakan cukai dan hasil kerajaan tidak dapat menampung perbelanjaan membangunkan semula Sarawak.⁸¹ Hasil pendapatan Sarawak pada masa lalu diperolehi dari cukai candu, arak, judi, cukai getah, lada, kelapa, hasil hutan, cukai emas dan minyak. Ong Kwan Hin mengesyorkan dihapuskan candu dan perjudian, sementara getah dan kelapa digalakkan

⁷⁶ Ibid., hlm. 1.

⁷⁷ *Chung Wa Journal*, 3 April 1950, hlm. 1.

⁷⁸ Steven Runciman, 1960. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1949*. Cambridge University Press, Cambridge, hlm. 262.

⁷⁹ *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 16. Sebab-sebab orang Cina menyokong penyerahan Sarawak juga ada disebut dalam *The Malay Mail*, 15 April 1946, hlm. 3; 2 Julai 1936, hlm. 1.

⁸⁰ *The Sarawak Tribune*, 15 Februari 1946, hlm. 2.

⁸¹ *See Hua Daily News*, 22 Oktober 1996, hlm. 8. Lihat juga Haji Mohammad Hasble Sulaiman, 1989. *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 74.

kerana mendatangkan hasil yang lumayan. Malahan pula perusahaan minyak serta emas telah musnah semasa peperangan dan memerlukan masa untuk dipulihkan semula. Mereka berpendapat Sarawak adalah sebuah negeri yang bankrap, hanya Britain sahaja mampu menyediakan modal yang dikehendaki untuk pemulihan semula dan pembangunan Sarawak.⁸² Oleh itu penyerahan Sarawak adalah perlu.

Mewakili persatuan Hua Kheow Tshin Nien, Lim Kong Ngan mengkritik bahawa pemerintahan Brooke adalah bersifat autokratik dan ketinggalan zaman serta mundur dalam segala aspek seperti kebudayaan, pendidikan, perkembangan ekonomi dan perhubungan. Beliau menyokong penyerahan Sarawak sekiranya penyerahan mendatangkan kemajuan dan perubahan serta membolehkan penduduk Sarawak mengambil bahagian dalam politik. Tetapi beliau menyalahkan kerajaan British kerana tidak menjelaskan polisi-polisi kerajaannya kepada penduduk Sarawak.⁸³ Walau bagaimanapun beliau menyambut baik tindakan Raja Brooke menyerahkan Sarawak dengan harapan sistem demokrasi yang sebenar dapat dilaksanakan. Dalam hal ini beliau menyatakan:

*This generous act of His Highness the Rajah has won our respect and appreciation. I believe that Sarawak under the British rule will have a more democratic system of government and the people will enjoy more privileges and happiness as promised by H.H. the Rajah... . From the local point of view, all people, irrespective of race and creed will enjoy the equal political rights under the future government and it is our desire that a real democratic system will be adopted.*⁸⁴

Ngui Ah Shin pula berpendapat bahawa “*What is good for the Malayan should be good enough for the Sarawakian.*”⁸⁵ Ini menunjukkan beliau bersedia menerima Sarawak diletakkan di bawah pemerintahan British secara langsung sebagaimana yang telah berlaku di Tanah Melayu. Khan Ah Chong, satu-satunya orang Cina dalam suatu temubual yang dibuat oleh pihak akhbar menyatakan penyesalan terhadap kehilangan Raja Brooke dan mencadangkan bahawa penyerahan mungkin akan membawa kepada kemajuan dari segi material, namun kemungkinan cukai akan bertambah.⁸⁶ Kenyataan tersebut menunjukkan yang beliau tidak begitu senang dengan penyerahan Sarawak, tetapi tidak juga menafikan kebaikannya jika Sarawak diserahkan kepada kerajaan British.

Teo Chong Loh, Kapitan Cina Sibul yang telah berada di Sarawak selama 56 tahun, ketika bercakap bagi pihak semua orang Cina di Sibul, menyatakan sokongan terhadap penyerahan Sarawak. Beliau menegaskan bahawa penyerahan Sarawak adalah sesuatu yang diinginkan dan dinanti-nantikan oleh mereka. Dalam pada itu penduduk Cina di Kapit juga bersetuju dengan keputusan Raja Brooke menyerahkan Sarawak. Mereka berpendapat bahawa Raja menyerahkan Sarawak kepada kerajaan Britain adalah untuk menjaga keamanan di Sarawak.⁸⁷

Kumpulan yang menyokong penyerahan Sarawak ini kebanyakannya terdiri daripada orang Cina yang menerima pendidikan Inggeris dan menganggap negeri Sarawak sebagai tanahair mereka. Mereka menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British kerana

⁸² *The Sarawak Tribune*, 6 Mei 1946, hlm. 1.

⁸³ *Ibid.* Lihat juga *The Sarawak Tribune*. 15 Februari 1946. hlm. 2.

⁸⁴ *The Sarawak Tribune*. 16 Februari 1946. hlm. 3.

⁸⁵ *The Sarawak Tribune*. 22 Februari 1946. hlm. 2.

⁸⁶ *The Sarawak Tribune*. 15 Februari 1946. hlm. 2.

⁸⁷ R.H.W. Reece, ‘The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946,’ hlm 357.

Memandangkan faedah ekonomi, khasnya yang akan dapat mereka nikmati. Begitu juga dengan para peniaga Cina dan para nasionalis Cina yang menyokong penyerahan Sarawak kerana ia bermakna peluang ekonomi yang lebih luas dan dapat menguatkan kedudukan politik mereka di Sarawak.

Kumpulan kedua terdiri daripada mereka yang masih taat setia kepada Negara China dan peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di Negara China. Mereka yang termasuk dalam kumpulan ini ialah orang Cina yang menerima sistem pendidikan Cina. Mereka tidak berpendapat pemerintahan British adalah lebih baik daripada pemerintahan Brooke. Sebaliknya pemikiran politik mereka pada masa itu adalah lebih cenderung kepada golongan pro-Komunis (Parti Komunis China/PKC) di Negara China. Golongan ini berpendapat hanya komunis sahaja yang dapat membawa pemerintahan yang lebih baik kepada negeri Sarawak. Antara mereka ada juga yang inginkan pemerintahan Brooke diteruskan seperti sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui pendapat seorang Pendaftar Daerah yang bernama Kueh Choo Seng seperti berikut:

*The Rajah has ruled well, and even if the British Government would take up the state, the policy would be very similar, but we have to move with the times. Though the country must be developed, consideration must be given to the natives who have not yet attained the standard of modern methods. As far as I can see, the old system is more suitable to the needs of the people here. Autocratic rule nowadays is decidedly out, and a His Highness is sensible and understanding he would certainly introduce a change as required but to be fair, His Highness the Tuan Muda should succeed to the Raj.*⁸⁸

Lo Fey Siam lebih suka Sarawak diserahkan kepada Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation*). Namun begitu yang penting ialah soal mendapat hak-hak yang sama dengan penduduk Bumiputera di Sarawak. Beliau menyatakan bahawa '*All we want is to have our status raised so that we can enjoy equal rights with the natives.*'⁸⁹

Penentangan orang Cina terhadap soal penyerahan Sarawak kepada kerajaan British juga dapat dilihat melalui telegram yang dihantar oleh Persatuan Hua Kheow Tshin Nien kepada Setiausaha Tanah Jajahan. Telegram ini menyatakan:

*Mr. Ong Tiang Swee and others who signed the document were acting on their own initiative. their actions were against the public opinion of the Chinese community; and requesting the practice of democratic politic in Sarawak.*⁹⁰

Tuduhan ini dijawab oleh Ong Tiang Swee dalam akhbar *The Sarawak Tribune* pada akhir bulan Februari 1946. Beliau bertindak menandatangani dokumen menyokong penyerahan Sarawak kerana percaya bahawa tiada kemungkinan akan berlaku perubahan dalam kedudukan politik Sarawak pada masa depan dengan kepulungan Raja Brooke.⁹¹ Ini bermakna taraf Sarawak hanya akan berubah dan masa depannya akan lebih cerah sekiranya Sarawak diserahkan kepada kerajaan British.

Yoa Ken Swee pula menulis kepada *Hua Kiaw Jit Pau (Overseas Chinese Daily News)* menjelaskan apa yang penting ialah pencapaian demokrasi bagi Sarawak. Katanya:

⁸⁸ *The Sarawak Tribune*, 16 Februari 1946, hlm. 3.

⁸⁹ Ibid.

⁹⁰ *Hua Kiaw Jit Pou (Overseas Chinese Daily News)*, 6 February 1946, hlm. 2.

⁹¹ *The Sarawak Tribune*, 26 Februari 1946, hlm. 1.

PENYERAHAN SARAWAK KEPADA KERAJAAN BRITISH, 1946-1951

...In view of the victory of democratic countries, it was clear that Sarawak should also follow the democratic trend which was developing in Malaya⁹².

Beliau juga meminta supaya kuasa kerajaan dikembalikan kepada penduduk Sarawak. Dengan itu hak-hak asasi manusia dan hak-hak bagi semua komuniti dapat dipertahankan. Yao Ken Swee juga menyeru orang Cina di Sibu bahawa mereka tidak boleh mengecualikan diri daripada perkembangan politik di Sarawak. Beliau mencadangkan pembentukan sebuah jawatankuasa bagi mempercepatkan pencapaian demokrasi dan menyatakan bahawa “kami tidak harus dilayan seperti tetamu atau orang asing dalam Sarawak.”⁹³ Akhirnya beliau membuat kesimpulan seperti berikut:

We are the people of Sarawak. Whether Sarawak is to be self-governing or to come under the trusteeship of the United Nations in-future, our committee for the promotion of democracy should be formed.⁹⁴

Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Yao Ken Swee dapat disimpulkan bahawa salah satu sebab orang Cina menentang penyerahan Sarawak adalah kebimbangan hak-hak mereka akan diabaikan berbanding dengan komuniti lain di Sarawak. Seterusnya beliau menyatakan orang Cina Sarawak menuntut sistem pentadbiran yang bercorak demokrasi, bukan seperti pemerintahan mutlak di bawah keluarga Brooke. Menurut Yao Ken Swee, satu lagi perkara yang menimbulkan kebimbangan di kalangan orang Cina Sarawak ialah kemungkinan akan berlakunya pertambahan cukai. Malahan kaum Dayak dan kakitangan kerajaan, khasnya berbangsa Eropah berpendapat bahawa kenaikan cukai adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan untuk mengembangkan perkhidmatan sosial dan ekonomi di sarawak.

Sementara itu terdapat sekumpulan orang Cina yang bersikap acuh tidak acuh terhadap soal penyerahan Sarawak kepada kerajaan British di mana seolah-olah peristiwa itu tiada kaitan dengan mereka. Kumpulan ini terdiri daripada orang Cina yang semata-mata ingin mengumpulkan kekayaan di Sarawak dan kemudian pulang ke Negara China. Oleh itu mereka tidak ingin terlibat dalam pergolakan politik yang berlaku di negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun secara keseluruhannya tidak dapat dinafikan bahawa reaksi orang Cina terhadap peristiwa penyerahan Sarawak kepada kerajaan British adalah tidak begitu menonjol dan tidak sehebat komuniti Melayu yang membawa kepada peristiwa pertumpahan darah. Orang Cina hanya sekadar menunjukkan sokongan atau perasaan tentangan mereka melalui media massa terutamanya akhbar. Dengan itu boleh dikatakan orang Cina memang menunjukkan reaksi terhadap peristiwa yang bersejarah itu, tetapi reaksi mereka tidak radikal dan tidak meninggalkan kesan yang mendalam sama ada di kalangan masyarakat ataupun pemerintahan British di Sarawak. Boleh dikatakan pada peringkat ini kesedaran nasionalisme terhadap Sarawak masih tidak wujud di kalangan orang Cina Sarawak berbanding dengan bibit-bibit semangat nasionalisme yang sudah mula dipupuk di kalangan orang Melayu dan Dayak.

⁹² *Hua Kiaw Jit Pau*, 29 Januari 1946, hlm. 2; 8 Februari 1946, hlm. 2. Rujuk juga R.H.W. Reece, 1982. *The Name of Brooke*, hlm. 207.

⁹³ R.H.W. Reece, 1982. *The Name of Brooke*, hlm. 207.

⁹⁴ *Ibid.*, hlm. 207-208. Lihat juga *Hua Kiaw Jit Pau*, 29 Januari 1946, hlm. 2; 8 Februari hlm. 2.

Patut juga diketahui reaksi pegawai-pegawai kerajaan British dalam soal ini selain reaksi penduduk Sarawak sendiri. Di kalangan mereka ada juga yang tidak menyetujui penyerahan Sarawak tetapi dipaksa menerima keputusan Raja Charles Vyner Brooke supaya kedudukan mereka terjamin. Dua orang pegawai tinggi pentadbiran Sarawak, Corson dan F.H. Pollard⁹⁵ yang tidak setuju dengan penyerahan Sarawak telah disenaraikan sebagai pegawai yang bersara⁹⁶ walaupun mereka belum sampai umur bersara. Ini sebenarnya merupakan satu amaran kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya tidak menentang kehendak Raja mereka.

KESIMPULAN

Walaupun bantahan dan tentangan ditunjukkan bagi menggagalkan proses penyerahan Sarawak, akhirnya pada 1 Julai 1946 Sarawak secara rasmi telah diserahkan kepada Pejabat Kolonial di London. Ternyata pihak berkuasa British tidak mahu bertolak ansur terhadap bangkangan yang ditunjukkan oleh golongan anti-penyerahan. Lantas sikap tidak ambil peduli dan memandang rendah perjuangan golongan penentang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pejuang anti-penyerahan sehingga mencapai kemuncaknya dengan pembunuhan Duncan Stewart, Gabenor kedua Sarawak.

Sistem pemerintahan autokratik yang dilaksanakan di bawah Raja Brooke bermakna hanya Raja Sarawak yang berhak membuat keputusan. Oleh kerana usia Raja yang semakin meningkat, tiada pengganti yang berwibawa dan keadaan Sarawak selepas perang, maka campur tangan kerajaan British adalah perlu. Keputusan meletakkan Sarawak di bawah Kerajaan British adalah satu pilihan yang sebetulnya. Oleh itu Raja Charles Vyner Brooke berusaha menjadikannya satu kenyataan. Dalam soal ini Raja Brooke dan kerajaan British bukan melihat kepada apa yang dikehendaki oleh penduduk Sarawak tetapi hanya mempertimbangkan apa yang mereka sendiri inginkan di Sarawak.

Sementara itu kesan-kesan tinggalan penaklukan Jepun seperti keadaan sosial yang tidak teratur dan ekonomi yang meleset telah memberi alasan kepada kerajaan British untuk menjajah negeri Sarawak. Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah menandakan hancurnya hirarki sosial tradisional dan runtuhnya kuasa aristokrat dalam pentadbiran selepas itu. Orang tempatan mula menuntut hak masing-masing dan menggunakan organisasi-organisasi sebagai satu cara untuk menyalurkan suara hati mereka serta sebagai lambang penyatuan di kalangan mereka. Justeru itu dapatlah dikatakan pendudukan Jepun telah mencorakkan perkembangan politik di negeri ini.

J.B.Archer (Pengerusi Sidang Majlis Negeri yang meluluskan undi penyerahan Sarawak) menulis dalam *The Sarawak Gazette* pada bulan April 1948, iaitu beberapa bulan sebelum

⁹⁵ Frederick Hubert Pollard (1903-1955) adalah penyokong kuat kemerdekaan Sarawak dan tidak setuju Sarawak diletakkan di bawah kerajaan British. Beliau menyertai Perkhidmatan Kerajaan Sarawak pada tahun 1923 setelah dipujuk oleh bapa saudaranya, Charles Willes Johnson. Pada tahun 1941, beliau dilantik sebagai Setiausaha Hal Ehwal Bumiputera di Sarawak. Ketika Jepun menakluki Sarawak, beliau menyertai tentera Australia dan berkhidmat di Jabatan Perisik Bersekutu di Australia. Beliau kembali ke England pada Oktober 1943 dan dilantik untuk mengetuai bahagian Sarawak dalam Unit Perancangan Borneo tetapi telah ditolak. Pada awal 1945, beliau menjadi anggota Kerajaan Sementara yang ditubuhkan oleh Raja Brooke di Australia tetapi dipecat bersama-sama dengan Anthony Brooke pada Oktober 1945. Untuk maklumat lanjut, sila lihat R.H.W. Reece, 1982. *The Name of Brooke*, hlm. 67.

⁹⁶ See *Hua Daily News*, 12 Oktober 1996, hlm. 8.

beliau meninggal dunia, menyatakan penamatan pemerintahan Brooke adalah sesuatu yang pasti tidak dapat dielakkan. Dalam hal itu beliau menyatakan:

The State was not run on orthodox lines. And suppose that some modern thinkers would say that it was sheer autocracy oligarchy and despotic benevolence, and of course so it was. It was run very well. But it could not have gone on much longer. The first world war shook it a bit but left the foundations cracked but standing. The second world war finished it off.

It has been said that the Constitution of 1941 was the panacea of the ills of Sarawak; it was the pill to palliate the sickness which had been growing for some time.

By 1945 the time had come to realize that the old Sarawak was creaking. Good for a few years more, perhaps, but going for all that. Of course the people, who are the ones who had a sentimental affection for the old regime, and so too did the men who had worked for so long in the administration, be they Asiatic or European.

Regrets, tears and recriminations are in vain. The old love is gone and the new one is here.⁹⁷

Walaupun pergerakan anti-penyerahan telah gagal mencapai tujuannya dalam mengembalikan pemerintahan Brooke di Sarawak, namun ia telah meninggalkan kesan yang penting dalam perkembangan sejarah politik Sarawak. Pergerakan anti-penyerahan telah memainkan peranan penting dalam membawa Sarawak ke arah pembentukan Malaysia. Ini kerana salah satu sebab yang mendorong pihak British menyokong penuh pembentukan Malaysia ialah mereka sedar bahawa kehadiran mereka tidak disukai oleh golongan anti-penyerahan di Sarawak.⁹⁸

Secara keseluruhannya penglibatan penduduk Sarawak dalam pergerakan politik tempatan menunjukkan sebenarnya mereka adalah sedar dan giat dalam lapangan politik di Sarawak sejak tahun 1940-an, tetapi kegiatan politik yang wujud pada masa itu adalah kegiatan yang bukan pertubuhan parti politik. Ia mungkin boleh disebutkan sebagai kegiatan politik dalam peringkat yang pertama, iaitu dalam tahap yang belum lagi melibatkan penubuhan parti politik di Sarawak.⁹⁹

Pengambilan Sarawak sebagai tanah jajahan mahkota British telah memberi kebaikan kepada semua kaum di Sarawak termasuklah orang Cina. Kebudayaan, cara hidup yang bermanfaat dipelihara dan kedudukan istimewa kaum Bumiputera ke atas hak-hak tanah telah dikekalkan. Tanah jajahan telah berkembang dengan stabil menuju ke arah pemulihan daripada kesan perang dan penaklukan Jepun. Pentadbiran kolonial juga telah menambahkan kadar kemajuan dalam ekonomi, sosial dan meningkatkan taraf hidup penduduk Sarawak. Langkah pertama yang diambil oleh pihak berkuasa ialah memimpin negeri Sarawak ke arah berkerajaan sendiri. Pendek kata pentadbiran British telah mempercepatkan negeri Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan kemudian kemerdekaan yang diharap-harapkan oleh semua penduduk Sarawak. Penglibatan kerajaan British telah membawa politik Sarawak ke arah yang lebih matang dan berkembang dengan lebih rancak.

⁹⁷ *The Sarawak Gazette*, 20 April 1948, hlm. 1. Lihat juga Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 99.

⁹⁸ *The Sarawak Gazette*, 31 Ogos 1972, hlm. 148.

⁹⁹ Parti politik pertama yang ditubuhkan di Sarawak ialah *Sarawak United People's* (SUPP) pada 12 Jun 1959. Ia diketuai oleh Ong Kee Hui dengan tiga orang Timbalan Pengerusi, iaitu Jonathan Bangau anak Renang, Francis Umpi Rantai dan Wan Abdul Rahman. Manakala Stephen Yong sebagai Setiausahanya.

LAMPIRAN A

Perlembagaan Sarawak Tahun 1941

- (1) Negeri Sarawak ialah hak pusaka Raayat2 kita dan pehak kita menjadi pemegang amanah bagi mereka.
- (2) Perkhidmatan2 masharakat dan didekan pelajaran akan dimajukan dan dikembangkan serta darjah penghidupan raayat Sarawak seterusnya akan ditinggikan.
- (3) Barangsiapa atau sesiapa juga tidak boleh sekali2 dikurniakan hak2 yang menyalahi hak2 raayat negeri ini dan mereka tidak dibenarkan sekali-kali memerah Raayat kita ataupun mereka yang mendapat naungan dan penjagaan kita.
- (4) Keadilan akan didapati dengan mudah dan Raja serta tiap2 seorang yang bekeja dengan kerajaan akan bebas ditemui oleh orang ramai.
- (5) Kebebasan mendzahirkan fiiiran sama ada dengan ucapan dan tulisan adalah dibenarkan dan digalakkan dan juga tiap2 seseorang akan dibenarkan beragama dengan agama yang disukainya.
- (6) Kakitangan2 kerajaan hendak-lah sentiasa ingat bahawa mereka tidak lain bahkan ialah hamba orang ramai dan di atas mereka itulah simpolan muhibbah dan kerjasama yang semata-mata menjadi tempat pergantungan mereka.
- (7) Sepanjang seseorang itu menjadi Raayat kita walau dari apa bangsa sekali pun akan bebas dibenarkan masok ke-dalam pejabat2 Perkhidmatan kita, pekerjaan yang boleh dipegang oleh mereka menurut kebolehan mereka dalam pelajaran, kelayakan dan menjalankan pekerjaan yang ditanggungnya.
- (8) Hendak-lah sentiasa diingati akan chita hendak berkerajaan sendiri itu, raayat Sarawak akan di-tarohkan keperchayaan dalam masa yang akan datang bagi memerintah diri mereka sendiri dan ikhtiar2 akan di-jalankan seboleh2-nya untuk menyegerakan terchapainya chita ini dengan memberi didekan kepada mereka dengan pemberian tanggung-jawab dan keutamaan menjadi anak negeri.
- (9) Bahawa dasar Raja2 yang terdahulu daripada kita dan dasar kita sama-nya ialah bermaksud supaya segala bangsa dalam Negeri boleh hidup bersama2 dalam aman sentosa dan dasar ini hendak-lah terus diikuti oleh pengganti2 kita dan orang2 yang berkhidmat kepada kita serta sekalian orang2 yang mengikut mereka dalam masa yang akan datang kelak.

Sumber: *Utusan Sarawak*, 10 Disember 1955, hlm. 2. Versi Perlembagaan Sarawak dalam bahasa Inggeris boleh didapati dalam *Sarawak By The Week*, 13 Ogos-18 Ogos 1956, hlm. 1. Lihat juga C.O. 947/42, Malaysia Commission Selected and Confidential Documents From Various Centres, 1962, hlm. 30.

PENYERAHAN SARAWAK KEPADA KERAJAAN BRITISH. 1946-1951

LAMPIRAN B

Voting on the Cession Bill in the Council Negri, 15 May, 1946*

FOR:	AGAINST:
J.B. Archer (Acting Chief Secretary)	J.O. Gillbert (Resident, Fourth and Fifth Division)
G.E. Cascoigne (Treasurer)	W.P.N.L. Ditmas (Resident, First Division)
L.D. Kennedy (Trade and Customs)	Abang Openg Abang Safiee (Native Officer, First Division)
B.J.C. Spurway (Forests)	Abang Kiprawi (Native Officer, First Division)
C.D. Adams (Acting Resident Third Division)	Abang Samsuddin
R.E. Edwards	DatuK Patinggi Abang Haji Abdillah
Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha	Abang Abu Latip (Native Officer, Second Division)
Datu Amar Abang Sulaiman	Datu Zin (Native Officer, Second Division)
Datu Menteri Encik Zain	Abang Haji Draup (Native Officer, Second Division)
Haji Nawawi (Mufti)	Abang Ali (Miri)
Tan Bak Lim	Datu Tuanku Mohamad (Native Officer, Fourth Division)
A. Mulder	Abang Mustapha (Native Officer, Fifth Division)
Temenggung Koh	Rev. P.P.H. Howes
Bannet Jarraw ((Native Officer, Third Division)	Philip Jitam
J. Owen (Eurasian representative)	D.M. Deen (Indian Muslim representative)
Khoo Peng Loong (Sibu Chinese representative)	Edward Jerah (Native Officer, Second Division)
Abang Ahmad (Sibu)	
Abang Haji Abdul Rahim (Native Officer, Third Division)	
ABSTAINED	
J.C.H Barcroft (Resident, Second Division)	
Datuk Hakim Abang Haji Mohidin	
ABSENT:	
Ong Hao Leong	
Tse Shuen Sung	

*Draf undang-undang itu diluluskan pada 17 Mei 1946 dengan 19 menyokong dan 15 menentang. Yang berbeza hanya Barcroft dan Datuk Hakim yang tidak mengundi pada 15 Mei telah mengundi menyokong penyerahan manakala C.D. Adams yang menyokong penyerahan pada 15 Mei pula tidak hadir kerana sakit.

Sumber: See *Hua Daily News*, 24 Oktober 1996, hlm. 8. Lihat juga R.H.W. Reece, 1982. *The Name of Brooke, The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 237. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, 1989. *Perjuangan Anti-Cession Sarawak. Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, hlm. 80-81

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

LAMPIRAN C

Instrument of Cession

INSTRUMENT OF CESSION of the state of Sarawak by His Highness Sir Charles Vyner Brooke, G.C.M.G., Rajah of Sarawak, acting with the advice and consent of the Supreme Council of Sarawak, to His Majesty the King of Great Britain, Ireland and the British Dominions beyond the Seas, Emperor of India.

WHEREAS His Highness Sir Charles Vyner Brooke, G.C.M.G., is lawfully Rajah of the State of Sarawak.

AND WHEREAS by an Agreement dated the fourteenth day of June 1888, the State of Sarawak was placed under the protection of Her late Majesty Queen Victoria.

AND WHEREAS His Highness the Rajah, acting with the advice and consent of the Supreme Council of Sarawak, has determined that, in the interests of the inhabitants of Sarawak, the State of Sarawak should be ceded to His Majesty the King and thereafter from part of his Majesty's dominions, which cession has been authorised by an Order dated the eighteenth day of May, 1946, enacted by the Rajah with the advice and consent of the Council Negri of Sarawak, and entitled Order No. C-24 (Cession of Sarawak) 1946.

AND WHEREAS Christopher William Dawson Esquire has been authorised by His Majesty to accept on his behalf the said Cession.

NOW THESE PRESENTS WITNESS

1. The territory of the State of Sarawak, and the full sovereignty and dominion over the State, hereby ceded by the Rajah, acting with the advice and consent of the Supreme Council of Sarawak, to and accepted on behalf of His Majesty, His Heirs and Successors, as from the date on which, this Instrument comes into operation (hereinafter called the date of Cession), to the intent that the State of Sarawak shall thereupon become part of His Majesty's dominions.
2. There are hereby transferred to His Majesty, His Heirs and Successors, as from date of Cession, the rights of the Rajah, the Rajah in Council, and the State and Government of Sarawak in all lands and buildings including the Astana, but subject to existing private rights and native customary rights, and all the other property rights and assets of the State and Government of Sarawak, including the funds and securities of the Government, whether within or outside Sarawak; and all things necessary to give effect to such transfer shall be done.
3. All persons who immediately before the date of Cession are employed in the service of the Government of Sarawak will be continued in their employment by His Majesty on terms not less favourable than those obtaining before the date of Cession save that they shall hold office at the pleasure of His Majesty; and His Majesty accepts liability for the payment of any pensions gratuities and other like benefits due to be paid after the date

PENYERAHAN SARAWAK KEPADA KERAJAAN BRITISH, 1946-1951

of Cession to any person or to his dependants in respect of service with the Government of Sarawak.

4. This Instrument shall come into operation on such date as by virtue of an Order made by His Majesty in Council Sarawak becomes part of His Majesty's dominions.

Provided that His Majesty shall from the date of execution of this Instrument have full power and authority to make provision for the government of Sarawak, such provision to take effect on or after the date of Cession.

In Witness Whereof His Highness Sir Charles Vyner Brooke, G.C.M.G., Rajah of Sarawak, on his own behalf, and Christopher William Dawson Esquire on behalf of His Majesty the King of Great Britain, Ireland and the British Dominions beyond the seas, Emperor of India, have signed the present Instrument and have affixed there to their seals: and the seal of the Supreme Council of Sarawak has been affixed thereto, by the authority of the Council and in its presence.

Done at Kuching, Sarawak, the twenty-first day of May, 1946.

(Signed) C.V. Brooke
Rajah of Sarawak (Seal)

(Signed) C.W. Dawson (Seal)

(Stamp)
Supreme Council
Sarawak

Sumber: CO. 531/32/7, North Borneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence 1907-1951, hlm. 77-79.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

LAMPIRAN D

The Sarawak Cession Order in Council, 1946

At the Court at Buckingham Palace the 26th day of June, 1946

Present:

The King's Most Excellent Majesty in Council

Whereas by an Instrument of Cession dated the twenty-first day of May, 1946, His Highness Sir Charles Vyner Brooke, G.C.M.G., Rajah of Sarawak, acting with the advice and consent of the Supreme Council of Sarawak, has ceded to His Majesty, His Heirs and Successors, the territory of the State of Sarawak and the full sovereignty and dominion over the said State, as from the date on which the said Instrument of Cession comes into operation, to the intent that the State of Sarawak shall thereupon become part of His Majesty's dominions.

And Whereas it is provided by the said instrument Of Cession that it shall come into operation on such date as, by virtue of an Order made by His Majesty in Council, Sarawak becomes part of his Majesty's dominions;

Now, Therefore, His Majesty is pleased by and with the advice of His Privy Council, to order, and it is hereby ordered, as follows:- .

1. This order may be cited as the Sarawak Cession Order in Council, 1946, and shall come into operation on the first day of July, 1946.
2. As from the first day of July, 1946, Sarawak shall be annexed to, and shall form part of, His Majesty's dominions and shall be called the Colony of Sarawak.
3. All persons who on the first day of July, 1946, are Sarawak subjects by reason of the Sarawak Orders No. N-2 (Sarawak Nationality and Naturalization) 1934, and N-2A (Sarawak Nationality and Naturalization Amendment) 1939, shall on that day become British subjects.
4. His Majesty hereby reserves to himself, His Heirs and Successors, power to revoke, alter, add to, or amend this Order.

E.C.E. Leadbitter

Sumber: *The Sarawak Government Gazette*, 1 Julai 1946, hlm. 2

PENYERAHAN SARAWAK KEPADA KERAJAAN BRITISH, 1946-1951

LAMPIRAN E

Secretariat Circular No. 9/1946

In view of the political change in the status of Sarawak by which on 1st July 1916, it became a Crown Colony, His Excellency the Governor has directed that this Circular should be sent to all Government officers on the Establishment.

- (a) Government expects and requires absolute loyalty from all its servants.
- (b) Since there is no question of any change in the present regime or any reversion to Brooke Rule, Government will not permit or tolerate any association by its servants with any activities designed to keep alive the question of cession.
- (c) There will be no victimisation for any speech or act of any Government servant in the past relating to the question of cession, but each Government servant must now make up his mind whether he wishes to serve the present Government loyally and faithfully or not.
- (d) If you do not feel that you wish to continue in the Government Service under these conditions, you should inform your Resident, District Offices, or Head of Department, as the case may be, before 31st December 1946, and he will advise you as to the course you should pursue.
- (e) Any Government servant in future who associates himself with any activity designed to keep open the question of cession or commits any act of deliberate disloyalty to Government will render himself liable to instant dismissal.

You are asked to acknowledge receipt by signing the attached slip and returning the slip at once to your local Head of Department or District Officer.

Kuching, 10 December 1946

C.W. Dawson,
Chief Secretary

Sumber: Sanib Said, 1985. *Malay Politics In Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*. Oxford University Press, Singapore. hlm. 131,